

17 OCT 2002

Singapura-Bahasa Inggeris/I

B/INGGERIS KUNCI KEPADA KEJAYAAN SINGAPURA, KATA DUTA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Penggunaan bahasa Inggeris secara berterusan sebagai bahasa pengantara di sekolah selepas Singapura merdeka merupakan kunci kepada kejayaan negara itu, kata Persuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, K. Kesavapany.

Dan diplomat kelahiran Malaysia itu yang pulang ke Singapura esok selepas menamatkan tugasnya selama lima setengah tahun di sini, berkata Singapura gembira kerana bahasa Inggeris digunakan semula dalam sistem pendidikan Malaysia menerusi pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik mulai tahun depan.

Malaysia menukar bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantara di sekolah dan universiti kira-kira 30 tahun lepas tetapi kerajaan baru-baru ini mengumumkan bahawa kedua-dua mata pelajaran itu akan diajar dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Kesavapany sendiri yang merupakan bekas guru bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Westlands di Pulau Pinang dan Sekolah Tinggi Klang pada 1960-an sebelum menyertai perkhidmatan diplomatik Singapura 32 tahun lepas, bagaimanapun berkata bahasa ibunda tetap penting untuk menyampaikan nilai-nilai budaya.

"Jadi perlu ada keseimbangan dan dalamimbangan itu, bahasa Inggeris wajar menonjol dalam sistem pendidikan kerana jika tidak anda akan mengurangkan keupayaan generasi akan datang," katanya kepada Bernama dalam temubual di sini.

"Singapura gembira kerana pentingnya bahasa Inggeris diperakui di sini. Ia adalah bahasa pengetahuan dan komunikasi di dunia. Ia adalah untuk faedah Malaysia dan Singapura supaya mempunyai bahasa seragam untuk aktiviti ekonomi dan sosial," katanya.

Kesavapany berkata di Singapura, bahasa Inggeris, bahasa Melayu, Cina dan Tamil merupakan bahasa rasmi tetapi bahasa Inggeris tidak pernah diketepikan walaupun setiap kanak-kanak perlu mempelajari bahasa ibunda masing-masing.

Pertimbangan ekonomi menggerakkan penduduk menggunakan bahasa Inggeris kerana sebagai sebuah bandar raya entreport, rakyat perlu berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan dunia luar.

Ibu bapa mendapati ia merupakan tuntutan ekonomi untuk menghantar anak masing-masing ke sekolah Inggeris dan Singapura memilih mengekalkan apa yang telah diwarisi daripada British.

Ditanya sama ada beliau menganggap bahasa Inggeris merupakan kunci kepada kejayaan Singapura, beliau berkata: "Ia merupakan salah satu daripada bahan kepada kejayaan Singapura terutama dalam meningkatkan persaingan di dunia".

Kesavapany menyebut China sebagai sebuah negara yang penduduknya kini "dahagakan bahasa Inggeris" selain India dengan pendidikan bahasa itu telah menjadikan tenaga kerja negara berkenaan mendapat permintaan tinggi terutama di negara maju.

Beliau berkata sebelum ini, Perancis dan Sepanyol merupakan bahasa utama tetapi tidak lagi sekarang dengan mereka yang tidak menguasai bahasa Inggeris ketinggalan kerana tidak boleh mendapat akses kepada kekayaan maklumat yang terdapat dalam Internet.

Ia lebih penting dalam perkhidmatan diplomatik dan perdagangan antarabangsa dengan banyak rundingan dijalankan dalam bahasa Inggeris.

Ditanya mengenai kaedah paling berkesan untuk mengajar bahasa Inggeris

di Malaysia bagi menggantikan masa yang terbuang, Kesavapany berkata beliau masih percaya dengan kaedah lama yang bermula daripada asas iaitu mempelajari nahu.

"Kita biasanya bermula daripada asas, belajar nahu, kemudian kesusasteraan diperkenalkan pada peringkat awal. Shakespeare, Dickens dan sastera klasik lain, jadi kita membesar dengan kecintaan kepada bahasa.

"Kemudian datang apa yang mereka panggil bahasa Inggeris baru di mana mereka berkata ia mencukupi jika kita belajar ayat dan frasa. Saya ketingglan zaman, saya lebih suka ajar nahu kerana sebaik sahaja mengusainya, kita akan mempunyai asas yang kukuh," katanya.

Kesavapany yang sepanjang tempoh perkhidmatannya di sini menyaksikan beberapa perkembangan "menarik" dalam hubungan Malaysia-Singapura, termasuk rundingan membabitkan masa depan perjanjian air yang belum selesai antara kedua-dua negara juga ditanya mengenai pandangan peribadinya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Beliau adalah orang yang dikagumi yang telah menukar wajah Malaysia. Beliau telah memberi perkhidmatan bukan sahaja untuk Malaysia, malah untuk negara membangun," katanya.

Kesavapany, 66, yang bersara daripada perkhidmatan diplomatik telah dilantik sebagai pengarah Institut Kajian Asia Tenggara, Singapura, sebuah kumpulan pemikir.

-- BERNAMA
AU AHH LAT